

27 NOV 2002

Mahathir-Sekolah

PILIH SEKOLAH KEBANGSAAN UNTUK PENDIDIKAN AGAMA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 27 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihatkan umat Islam dan orang Melayu khususnya supaya memilih sekolah kebangsaan untuk memberi pendidikan agama kepada anak-anak mereka.

Katanya sekolah kebangsaan mampu memberi pendidikan agama yang mencukupi kepada umat Islam berbanding sekolah-sekolah agama, yang sebahagian daripadanya didapati tidak mengajar agama, sebaliknya mengajar "politik membenci".

Sebahagian daripada sekolah itu pula yang ditubuhkan oleh lulusan agama yang menganggur lebih bermatlamatkan mencari keuntungan berbanding keutamaan untuk mendidiki kanak-kanak, katanya ketika berucap pada majlis penyampaian bantuan persekolahan dan hari raya kepada anak-anak yatim Wilayah Persekutuan di sini hari ini.

"Sebab itu adalah lebih baik orang Islam dan orang Melayu khususnya tidak menghantar anak-anak mereka ke sekolah agama tetapi hantar anak mereka ke sekolah kebangsaan di mana didikan agama akan diberi," katanya.

Dr Mahathir berkata, jika anak-anak mereka benar-benar berminat untuk mendalami bidang agama, seperti juga dalam bidang-bidang lain, mereka kemudiannya boleh menghantar anak-anak ke institusi yang mengajar Islam dengan lebih mendalam termasuk di peringkat universiti.

Perdana Menteri berkata cara sedemikian adalah yang terbaik untuk masyarakat di negara ini kerana anak-anak orang Islam akan turut berpeluang berjumpa dan menjalin hubungan dengan anak-anak penganut agama lain di peringkat kecil lagi ketika belajar di sekolah kebangsaan.

Perhubungan yang baik antara kaum ini, katanya, akan membantu usaha untuk mengekalkan keamanan dan ketenteraman dalam negara.

Dr Mahathir berkata, kerajaan menghentikan bantuan per kapita kepada sekolah-sekolah agama rakyat kerana ada antara sekolah terbabit bukan sebenarnya sekolah agama.

"Kita akan adakan sekolah agama untuk penuntut tertentu dan juga (wujudkan) universiti, tetapi kita tidak boleh membantu mereka yang menarik keluar penuntut-penuntut dari sekolah kebangsaan ke sekolah-sekolah yang tidak mempunyai guru-guru yang baik, tidak mempunyai kemudahan yang cukup dan tidak dapat memberi ajaran agama atau ajaran lain dengan sempurna," katanya.

Beliau berkata, kerajaan komited terhadap usaha mengembangkan syiar Islam tetapi pada masa yang sama perlu juga patuh kepada kehendak agama Islam kerana Islam tidak menyuruh setiap orang Islam menjadi ulama dan tidak mempunyai kecekapan dalam bidang-bidang lain.

Dr Mahathir berkata, bagi orang-orang Islam biasa, adalah memadai untuk mereka mengetahui ajaran Islam yang utama iaitu termasuk mengetahui cara beribadat, cara hidup Islam yang sebenar, tahu mengadakan perhubungan antara sesama Islam, serta faham mengenai pantang larang berkenaan perniagaan dan perusahaan.

"Kita tidak hendak melihat semua orang Islam menjadi ulama kerana itu akan menyebabkan masalah dalam masyarakat kita kerana apabila terlalu ramai yang begitu berpengetahuan berkenaan Islam, mereka seringkali mempunyai pendapat berbeza mengenai tafsiran agama yang mereka sendiri berpecah sesama mereka," katanya.

Beliau berkata, lulusan bidang agama yang ramai akan turut menimbulkan masalah untuk mendapat kerja kerana lazimnya kebolehan mereka hanya terhad kepada bidang itu sahaja.

Perdana Menteri berkata, kerajaan berasa dukacita kerana usahanya untuk merapatkan generasi muda semasa mereka di bangku sekolah melalui penubuhan sekolah kebangsaan tidak begitu berjaya.

"Orang-orang Cina rasa kecewa kerana pengajaran bahasa mereka tidak diberi tempat, demikian juga orang-orang keturunan India, sebaliknya orang-orang Melayu Islam berpendapat sekolah-sekolah kebangsaan ini tidak memberi ilmu agama yang cukup, dan memilih untuk memilih untuk hantar anak ke sekolah agama atau apa yang dipanggil sekolah agama," katanya.

Dr Mahathir juga berharap amalan majlis berbuka puasa yang turut disertai masyarakat pelbagai kaum dan agama serta majlis-majlis rumah terbuka sempena hari perayaan dan kebesaran kaum di negara ini akan menjalin hubungan kaum yang berkekalan untuk menjamin kesejahteraan dan keamanan negara.

Beliau mengucapkan tahniah kepada Persatuan Kebajikan Anak-anak Yatim Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kerana turut menyampaikan bantuan kepada anak-anak yatim daripada kalangan bukan Islam.

Pada majlis hari ini, Perdana Menteri turut menerima sumbangan oleh beberapa penderma kepada tabung persatuan itu.

Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali telah menyampaikan bantuan persekolahan dan hari raya yang berjumlah RM100,000 itu kepada 300 anak-anak-anak yatim termasuk dari kalangan bukan Islam pada majlis itu.

Persatuan itu, yang Dr Mahathir menjadi anggota seumur hidupnya, telah mengeluarkan bantuan berjumlah RM1.3 juta kepada anak-anak yatim sejak ia ditubuhkan pada tahun 1989.

Sepanjang tempoh itu juga persatuan itu menerima sumbangan derma berjumlah lebih RM1.5 juta daripada penderma Islam dan bukan Islam.

-- BERNAMA

AFY AFY MOZ